

→ KEUSAHAWANAN

Penganjuran MACCOPS 2017 dapat pujian delegasi asing

● Tepati objektif selepas ambil tindakan tepat merangkumi kerjasama, buka peluang kepada seluruh wakil

Oleh Rozdan Mazalan

rozdan@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penganjuran Karnival Produk dan Perkhidmatan Koperasi Malaysia (MACCOPS) 2017 edisi ketiga mendapat pujian delegasi luar negara yang menghadiri Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017.

Penghargaan itu disampaikan Presiden Koperasi Antarabangsa, Monique F Leroux yang memuji negara ini sebagai tuan rumah menerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) kerana menepati objektif selepas mengambil tindakan tepat merangkumi kerjasama dan mem-



[FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM/BH]

Pengerusi Kehormat Koperasi Keluarga Datuk Haji Hashim Mamat Keluarga Terengganu Berhad, Datuk Hashim Mamat (dua dari kiri) menunjukkan koleksi batik kepada F Leroux (kiri), Abdul Fattah (dua dari kanan) dan Kamarudin di Bandar Sunway, semalam.

buka peluang kepada seluruh delegasi menerusi MACCOPS.

“Saya berpeluang menghadiri banyak persidangan dan ANGKASA harus berbangga kerana ini adalah salah satu persidangan yang berjaya menepati objektif utamanya. Saya kagum melihat komitmen dan daya keusahawanan yang ditunjukkan oleh golongan muda.

“Banyak idea hasil dari meja perbincangan, ANGKASA dan negara yang menyertai akan menyediakan landasan e-dagang untuk fasilitasi perhubungan antara negara selepas ini.

ANGKASA capai tahap bersedia peringkat antarabangsa

“Ia bagi mendidik dan melahirkan kesedaran terhadap dunia koperasi yang sangat penting dalam

menguruskan produk kualiti dan isu berbangkit.

“ANGKASA sudah mencapai tahap bersedia pada peringkat antarabangsa yang mana disarankan Kanada dan negara lain mengikut langkahnya,” katanya yang ditemui media selepas merasmikan MACCOPS 2017 sempena ICA 2017 yang berlangsung di Sunway Resort Hotel & Spa, di sini semalam.

Yang turut hadir, Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Naib Presidennya, Datuk Kamarudin Ismail.

Abdul Fattah berkata peluang sebagai pengaju dari negara Islam kedua selepas Turki amat bermakna bagi ANGKASA untuk memperkenalkan dan berkongsi kemajuan dan pencapaian gerakan koperasi Malaysia di peringkat antarabangsa.

“Ini adalah kali ketiga MACCOPS 2017 diadakan dan pertama kali di dalam pengajuran ICA. Ia adalah kesinambungan dari terdahulu yang berjaya menyediakan lansiran serta infrastruktur menghubungkan masyarakat dengan perniagaan koperasi di peringkat nasional dan ASEAN.

“Ia satu acara katalis pembangunan dan promosi produk dan perkhidmatan koperasi yang dianjurkan ANGKASA khusus untuk memartabatkan produk dan perkhidmatan koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa.

ICA yang berlangsung sejak kelmarin dan berakhir Jumaat ini disertai 1,473 delegasi dari 98 negara, termasuk Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom, China, Japan, Korea, Kanada, India, Iran dan Turki.